

Faktor usia tak halang dalam bidang STEM

Tun M timba ilmu 'bahasa komputer' dengan dua pakar cilik berusia 10 tahun

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad menganggap faktor usia bukan kekangan untuk mendalami bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM), termasuk ilmu menghasilkan kod bagi tujuan pengkomputeran.

Keutamaan Perdana Menteri terhadap aspek pendidikan, dicerminkan ketika beliau menimba ilmu bersama dua pakar cilik berusia 10 tahun, iaitu Ketua Pegawai Eksekutif Serena's Secret & Accessibility Advocate, Serena Zara Taufiq dan pencipta robotik, Chloe Soh Ke Er.

Menggunakan peranti tablet, Dr Mahathir dilihat begitu tekun ke-

tika meluangkan masa mempelajari 'bahasa komputer' dengan dua kanak-kanak berkenaan, memasukkan arahan digital tertentu bagi melengkapkan aturan program perisian yang sedang dibangunkan.

Menerusi klip video terbitan Microsoft, Perdana Menteri turut menitikkan pesanan bahawa kemahiran digital dan pembelajaran STEM tidak sekadar dalam persekitaran bilik darjah semata-mata.

"Mengekod ialah bahasa masa depan dan pembelajaran sepanjang hayat amat kritikal bagi memastikan kita kekal relevan, selari usaha transformasi dilaksanakan bagi merentasi had geografi atau industri seperti penjagaan kesihatan, pengeluaran serta pengangkutan.

"Dunia digital kini memerlukan kita memenuhi tanggungjawab untuk menimba ilmu dan bekerja bagi memastikan Malaysia muncul sebagai negara digital, sekali gus menjadikan ia teras transformasi serta identiti.

"Kita semua boleh menghasilkan kod walaupun berusia 93 tahun untuk digunakan bagi merintis kemajuan negara," katanya yang turut menjawab beberapa

soalan, memberi nasihat dan menjelaskan impiannya terhadap persekitaran pendidikan negara menjelang 2030.

Beliau berkata, seiring inisiatif negara memacu transformasi digital, akses kepada pembelajaran STEM perlu diberikan kepada segenap lapisan masyarakat agar berupaya membangunkan golongan berkemahiran tinggi pada masa depan.

Mengenai tanggungjawab sebagai Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata, jawatan itu menuntut seseorang untuk tidak meletakkan kepentingan peribadi melangkaui 'manfaat negara supaya kebijakan rakyat terjamin dan terbelas.

"Bila menjadi Perdana Menteri, anda kena selalu prihatin dengan nasib rakyat dan negara, bukan hanya fikir kepentingan diri sendiri," katanya ketika ditanya oleh Serena yang dilihat tekun mendengar amanat berkenaan.

Menjawab soalan Ke Er mengenai impiannya terhadap persekitaran pembelajaran masa depan, Dr Mahathir berkata, kedua-dua saintis cilik berkenaan akan menginjak dewasa dan boleh menyumbang kemahiran serta pengetahuan mereka kepada kemajuan negara.



Dr Mahathir meluangkan masa mempelajari 'bahasa komputer' bersama dua pakar cilik berusia 10 tahun menerusi klip video terbitan Microsoft.